

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SARAWAK DITUTUP

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak mengambil maklum perkembangan terkini mengenai penularan jangkitan wabak COVID-19 di Sarawak dan seluruh Malaysia berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terkini. Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan serta Pekeliling Naib Canselor Bil. 05 Tahun 2020 maka **UiTM CAWANGAN SARAWAK DITUTUP BERKUAT KUASA PADA 18 HINGGA 31 MAC 2020.**

Semua pelajar diminta untuk mengosongkan asrama bermula pada 18 Mac hingga 12 April 2020 (Pekeliling Naib Canselor : Cuti pertengahan semester bermula pada 1 hingga 12 April 2020). Semua pelajar dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. Untuk mengelakkan kesesakan di dalam kawasan kampus, pick-up point untuk pelajar yang akan pulang adalah seperti berikut.

### **Kampus Samarahan**

Kafe Gading - Tempat letak kereta C

Kolej Serapi dan Mulu - Tempat letak kereta B

### **Kampus Samarahan 2**

Kolej Sri Pinang 1 dan 2 - Tempat letak kereta

### **Kampus Mukah**

Tempat letak kereta berhadapan Takan Berambih

- \* Shuttle Bus disediakan untuk pelajar membawa barang dari kolej ke pick-up point.
- \* Pelajar yang memerlukan sebarang bantuan terutama pelajar (golongan B40) yang ingin pulang ke kawasan di luar Kuching seperti Sibu, Miri dan Bintulu, sila berhubung dengan pejabat kolej masing-masing.
- \* Ibu bapa **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam kawasan kolej kediaman.

### **Rektor**

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak**

**17 Mac 2020**